



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

الكلية الجامعية الإسلامية العالمية سنڤالڤور

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

## PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

# DASAR PENERBITAN JURNAL KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

No. Revisi	Tarikh Kemaskini	Tarikh Kuatkuasa
0	-	27 Julai 2017
1	5 Ogos 2020	6 Ogos 2020

Tarikh Diluluskan
26 Julai 2017 – Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan KUIS (JPK)
6 Ogos 2020 – Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan (JKPPP)

# SENARAI KANDUNGAN

<b>1.0</b>	<b>PENDAHULUAN.....</b>	<b>1</b>
1.1	TAFSIRAN .....	1
1.2	FOKUS /NICHE PENERBITAN JURNAL KUIS.....	1
<b>2.0</b>	<b>PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB .....</b>	<b>2</b>
2.1	JAWATANKUASA PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN PERSIDANGAN (JKPPP).....	2
2.1.1	<i>Pelantikan Jawatankuasa Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan (JKPPP)</i> .....	2
2.1.2	<i>Bidang Tugas</i> .....	2
2.2	JAWATANKUASA PENERBITAN JURNAL KUIS (JPJK).....	3
2.2.1	<i>Pelantikan Jawatankuasa Penerbitan Jurnal KUIS (JPJK)</i> .....	3
2.2.2	<i>Tempoh pelantikan</i> .....	3
2.2.3	<i>Bidang Tugas</i> .....	3
2.3	KETUA PENERBITAN JURNAL KUIS .....	4
2.3.1	<i>Pelantikan Ketua Penerbitan Jurnal KUIS</i> .....	4
2.3.2	<i>Tempoh Pelantikan</i> .....	4
2.3.3	<i>Syarat-syarat Pelantikan</i> .....	4
2.3.4	<i>Bidang Tugas</i> .....	4
2.4	KETUA EDITOR .....	5
2.4.1	<i>Pelantikan Ketua Editor</i> .....	5
2.4.2	<i>Tempoh Pelantikan</i> .....	5
2.4.3	<i>Syarat-syarat Pelantikan</i> .....	5
2.4.4	<i>Bidang Tugas</i> .....	5
2.5	PELANTIKAN SIDANG EDITOR.....	6
2.5.1	<i>Pelantikan Sidang Editor</i> .....	6
2.5.2	<i>Tempoh Pelantikan</i> .....	6
2.5.3	<i>Syarat-syarat Pelantikan</i> .....	6
2.5.4	<i>Bidang Tugas</i> .....	6
2.6	PELANTIKAN PEWASIT .....	7
2.6.1	<i>Pelantikan Pewasit</i> .....	7
2.6.2	<i>Tempoh Pelantikan</i> .....	7
2.6.3	<i>Syarat-syarat pelantikan</i> .....	7
2.6.4	<i>Bidang Tugas</i> .....	7
<b>3.0</b>	<b>PENERBITAN JURNAL .....</b>	<b>7</b>
3.1	PENGURUSAN JURNAL.....	8
3.2	KRITERIA JURNAL .....	8
3.2.1	<i>Jangkamasa</i> .....	8
3.2.2	<i>ISSN/E-ISSN</i> .....	8
3.2.3	<i>Kawalan Kualiti</i> .....	8
3.2.4	<i>Ketepatan Masa</i> .....	8
3.2.5	<i>Subjek (bidang)</i> .....	9
3.2.6	<i>Editorial</i> .....	9
3.2.7	<i>Garis Panduan Penyerahan Manuskrip</i> .....	9
3.2.8	<i>Konvensyen Editorial</i> .....	9
3.2.9	<i>Bahasa</i> .....	9
3.2.10	<i>Laman Web Jurnal</i> .....	9
3.2.11	<i>Etika Penerbitan</i> .....	9
3.2.12	<i>Pengarang</i> .....	9

3.2.13	<i>Sidang Editor</i> .....	9
3.2.14	<i>Sitasi Jurnal</i> .....	9
3.2.15	<i>Pengindeksan Jurnal</i> .....	10
<b>4.0</b>	<b>PERATURAN PEMBAYARAN</b> .....	<b>10</b>
4.1	PEMBAYARAN TERHADAP ARTIKEL YANG DITULIS .....	10
4.2	HONORARIUM KEPADA PEWASIT.....	10
<b>5.0</b>	<b>PERATURAN PENCETAKAN NASKAH JURNAL</b> .....	<b>10</b>
<b>6.0</b>	<b>PENUTUP</b> .....	<b>10</b>

## 1.0 PENDAHULUAN

Dokumen ini bertujuan untuk memberi keterangan berkaitan dasar penerbitan jurnal di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan juga menjadi garis panduan kepada warga akademik, warga pentadbiran dan para pelajar berhubung perkara berkaitan dengan penerbitan jurnal.

Penerbitan jurnal oleh fakulti/pusat mestilah melalui Penerbit KUIS, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) bagi menjaga kualiti jurnal yang diterbitkan sekaligus menjaga imej KUIS.

### 1.1. TAFSIRAN

Dalam dasar ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- 1.1.1. "KUIS" ertinya Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- 1.1.2. "RIMC" ertinya Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi .
- 1.1.3. "JKPPP" ertinya Jawatankuasa Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan.
- 1.1.4. "JPJK" ertinya Jawatankuasa Penerbitan Jurnal KUIS.
- 1.1.5. "Ketua Editor" ertinya pegawai yang dilantik bertanggungjawab mengetuai keseluruhan kerja-kerja editorial jurnal universiti.
- 1.1.6. "Sidang Editor" ertinya pegawai yang bertanggungjawab menyelaras dan menguruskan semua artikel.
- 1.1.7. "Pakar Bidang" ertinya pakar dalam sesuatu bidang yang dilantik oleh Penerbit KUIS.
- 1.1.8. "Ketua Penerbitan Jurnal KUIS" ertinya pegawai yang dilantik memantau penerbitan jurnal-jurnal di KUIS.
- 1.1.9. "Jurnal" ertinya semua jurnal yang ada di KUIS.
- 1.1.10. "Honorarium" ertinya bayaran yang diperuntukkan bagi pihak pewasit.

### 1.2 FOKUS / *NICHE* PENERBITAN JURNAL KUIS

Setiap jurnal yang diterbitkan oleh Penerbit KUIS harus memberi fokus kepada kriteria seperti berikut:-

- i. Membangun dan meningkatkan peradaban insan bagi kepentingan universiti, negara dan ummah.
- ii. Menyumbang kepada pembangunan ilmu berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah.

- iii. Mengetengahkan, menyumbang dan berkongsi idea, hasil dapatan dan penemuan baru dalam penyelidikan terkini dalam membantu menyelesaikan masalah umum dan memberi manfaat kepada akademik.
- iv. Menjadi rujukan, dikenali, boleh dilihat dan dirujuk oleh ahli akademik dan pelajar.

## **2.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

### **2.1 JAWATANKUASA PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN PERSIDANGAN (JKPPP).**

2.1.1 Pelantikan Jawatankuasa Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan (JKPPP).  
Jawatankuasa ini dilantik oleh Rektor KUIS dan dipengerusikan oleh Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan). Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada Pengarah RIMC, Dekan fakulti/pusat, Pengarah pusat, Timbalan Pengarah RIMC, Timbalan Pengarah Pembangunan Penyelidikan RIMC, Timbalan Bendahari, Ketua Bahagian Pengurusan Insan, Ketua Bahagian Sistem Maklumat dan Multimedia (ahli tidak tetap) dan Penolong Pendaftar RIMC sebagai setiausaha mesyuarat.

#### **2.1.2 Bidang Tugas**

- i. Membincangkan dan mengesahkan laporan bagi perkara-perkara berkenaan penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK), geran-geran lain dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan jaringan kerjasama dengan institusi.
- ii. Membincangkan dan mengesahkan laporan bagi aktiviti penerbitan KUIS termasuk laporan Jawatankuasa Penerbitan Jurnal KUIS (JPJK) dan Jawatankuasa Penerbitan Ilmiah KUIS (JPIK).
- iii. Meluluskan kertas cadangan yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penerbitan Jurnal KUIS (JPJK).
- iv. Membincangkan dan mengesahkan laporan bagi aktiviti dan hasil penyelidikan KUIS termasuk laporan Jawatankuasa Penyelidikan KUIS (JKPK) dan Jawatankuasa Inovasi dan Pengkomersialan KUIS (JIPK).
- v. Membincangkan dan mengesahkan/meluluskan pembentangan kertas cadangan penganjuran seminar anjuran fakulti/pusat sekiranya kos

perbelanjaan penganjuran melebihi atau kurang daripada RM30,000.00. Kertas cadangan daripada fakulti/pusat perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan KUIS untuk kelulusan (sekiranya melebihi RM30,000.00).

- vi. Menerima dan mengesahkan laporan penganjuran seminar fakulti/pusat setelah selesai penganjuran seminar berdasarkan SOP yang telah ditetapkan
- vii. Menetapkan syarat dan garis panduan untuk penyelidikan, penerbitan dan persidangan.
- viii. Melaporkan setiap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan, Penerbitan & Persidangan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan KUIS dalam bentuk pelaporan.

## 2.2 JAWATANKUASA PENERBITAN JURNAL KUIS (JPJK)

### 2.2.1 Pelantikan Jawatankuasa Penerbitan Jurnal KUIS (JPJK).

Jawatankuasa ini dilantik oleh Rektor KUIS dan dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Pembangunan Penyelidikan RIMC. Ahli-ahli terdiri daripada Ketua Penerbitan Jurnal KUIS, Ketua Editor Jurnal fakulti/pusat dan Ketua Unit Pembangunan Penyelidikan RIMC sebagai setiausaha.

### 2.2.2 Tempoh Pelantikan

Tempoh minimum lantikan adalah dua (2) tahun dan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

### 2.2.3 Bidang Tugas

- i. Melapor kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan (JKPPP).
- ii. Menentukan dan mengkaji Dasar Penerbitan Jurnal dari semasa ke semasa.
- iii. Menentukan kriteria bagi penerbitan jurnal yang boleh diterbitkan di bawah penerbitan jurnal KUIS.
- iv. Merancang dan memantau penerbitan jurnal yang diterbitkan oleh fakulti/pusat.

- v. Membincangkan dan mempertimbangkan mana-mana cadangan penerbitan jurnal baharu KUIS yang dikemukakan berdasarkan kriteria penerbitan ilmiah KUIS bagi pengesyoran ke mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan (JKPPP) untuk kelulusan.
- vi. Membincangkan dan mempertimbangkan kertas cadangan yang berkaitan penerbitan jurnal KUIS bagi pengesyoran ke mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan (JKPPP) untuk kelulusan.

## 2.3 KETUA PENERBITAN JURNAL KUIS

### 2.3.1 Pelantikan Ketua Penerbitan Jurnal KUIS

Ketua Penerbitan Jurnal KUIS dilantik oleh Rektor KUIS setelah tiga (3) calon disenarai pendek dalam mesyuarat JKPPP berdasarkan senarai nama yang diserahkan oleh fakulti/pusat.

### 2.3.2 Tempoh Pelantikan

Tempoh minimum lantikan adalah dua (2) tahun dan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

### 2.3.3 Syarat-syarat Pelantikan

- i. Terdiri daripada pegawai akademik yang bergiat aktif dalam bidang penulisan atau berkaitan.
- ii. Berkhidmat di KUIS dan sekurang-kurangnya berjawatan Pensyarah Kanan.
- iii. Mempunyai PhD.
- iv. Tidak boleh dilantik sebagai Ketua Editor Jurnal fakulti/pusat.

### 2.3.4 Bidang Tugas

- i. Melapor kepada Timbalan Pengarah Pembangunan Penyelidikan RIMC.
- ii. Memantau penerbitan jurnal KUIS.
- iii. Melakukan penilaian terhadap jurnal yang diterbitkan di KUIS.
- iv. Menentukan kriteria bagi penerbitan jurnal untuk boleh diterbitkan di bawah penerbitan jurnal KUIS.
- v. Mengkaji dan menentukan Dasar Penerbitan Jurnal KUIS dari semasa

ke semasa.

- vi. Merancang untuk meningkatkan sitasi jurnal KUIS.
- vii. Merancang penarafan jurnal terbitan KUIS ke peringkat nasional dan antarabangsa melalui jaringan kerjasama dengan IPT atau institusi lain yang berkaitan.

## 2.4 KETUA EDITOR

### 2.4.1 Pelantikan Ketua Editor

Ketua Editor Jurnal fakulti/pusat dilantik oleh Rektor KUIS dengan syor daripada fakulti/pusat.

### 2.4.2 Tempoh Pelantikan

Tempoh minimum lantikan adalah dua (2) tahun dan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

### 2.4.3 Syarat-syarat Pelantikan

- i. Berkhidmat di KUIS.
- ii. Berkelayakan sekurang-kurangnya PhD atau kelayakan lain yang bersesuaian.
- iii. Terdiri daripada pensyarah yang bergiat aktif dalam penulisan dan penerbitan dalam bidang berkaitan.
- iv. Berpengalaman dalam pewartisan artikel jurnal.

### 2.4.4 Bidang Tugas

- i. Ketua Editor fakulti/pusat perlu melapor kepada Dekan/Pengarah fakulti/pusat dan JPJK.
- ii. Ketua Editor merangkap Dekan/Pengarah fakulti/pusat hendaklah melapor kepada JPJK sahaja.
- iii. Merancang, mengurus dan memantau urusan penerbitan jurnal bermula dari penerimaan artikel sehingga ke proses akhir penerbitan.
- iv. Melakukan penilaian peringkat pertama untuk setiap penerimaan artikel yang diterima samada artikel diterima atau tidak.
- v. Meluluskan atau menolak mana-mana artikel yang dikemukakan



berdasarkan kriteria Penerbitan KUIS.

- vi. Melantik penilai yang bersesuaian dan berkaitan bagi setiap artikel yang diterima.
- vii. Menyelaras dan menjalankan tugas-tugas penyuntingan artikel.
- viii. Pembacaan prof.
- ix. Memastikan artikel yang diterbitkan berkualiti dan menepati kriteria artikel jurnal.
- x. Tidak boleh dilantik sebagai Ketua Penerbitan Jurnal KUIS.

## 2.5 PELANTIKAN SIDANG EDITOR

### 2.5.1 Pelantikan Sidang Editor

Sidang editor dilantik oleh Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Komuniti dan Industri) dengan syor daripada fakulti/pusat.

### 2.5.2 Tempoh Pelantikan

Tempoh minimum lantikan adalah dua (2) tahun dan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

### 2.5.3 Syarat-syarat Pelantikan

- i. Sidang Editor Jurnal fakulti/pusat dilantik oleh Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Komuniti dan Industri) KUIS dengan syor daripada fakulti/pusat.
- ii. Berkhidmat di dalam atau di luar KUIS.
- iii. Pegawai akademik yang mempunyai PhD diberi keutamaan.
- iv. Pakar dalam bidang berkaitan.

### 2.5.4 Bidang Tugas

- i. Membantu tugas-tugas Ketua Editor.
- ii. Membantu pembacaan prof.
- iii. Membantu meluluskan atau menolak mana-mana artikel yang dikemukakan berdasarkan kriteria Penerbitan KUIS.
- iv. Membantu melantik penilai yang bersesuaian dan berkaitan bagi setiap artikel yang diterima.
- v. Membantu menyelaras dan menjalankan tugas-tugas

penyuntingan artikel.

- vi. Membantu memastikan artikel yang diterbitkan berkualiti dan menepati kriteria artikel jurnal.

## 2.6 PELANTIKAN PEWASIT

### 2.6.1 Pelantikan Pewasit

Pewasit dilantik oleh Ketua Editor Jurnal fakulti/pusat.

### 2.6.2 Tempoh Pelantikan

Tempoh lantikan adalah sekurang-kurangnya empat belas (14) hari atau mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

### 2.6.3 Syarat-syarat Pelantikan

- i. Terdiri daripada pegawai akademik yang bergiat aktif dan berpengalaman dalam bidang penulisan artikel jurnal.
- ii. Berkhidmat di dalam atau di luar KUIS.
- iii. Mempunyai PhD, atau
- iv. Pakar dalam bidang berkaitan.

### 2.6.4 Bidang Tugas

- i. Menilai dan menentukan kandungan artikel yang bersesuaian dan berkualiti untuk diterbitkan.
- ii. Memastikan kesahihan kandungan artikel yang hendak diterbitkan berdasarkan kepada rujukan-rujukan yang diperakui.
- iii. Memberi saranan kepada Ketua Editor sama ada menerima atau menolak artikel yang diwasit dengan mengemukakan rasional berkaitan.

## 3.0 PENERBITAN JURNAL BAHARU

Setiap fakulti/pusat yang ingin menerbitkan Jurnal baharu atau ingin menukar nama jurnal atas justifikasi tertentu hendaklah mendapat sokongan daripada JPJK dan kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan (JKPPP) beserta dokumen lengkap menyatakan dengan jelas kriteria penerbitan jurnal seperti bahagian 3.2.

### 3.1 PENGURUSAN JURNAL

3.1.1 Pengurusan sesuatu Jurnal perlu memenuhi kriteria Jurnal (rujuk bahagian 3.2) dan mempunyai Ketua Editor yang dilantik oleh Rektor KUIS dan Sidang Editor yang dilantik oleh Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Komuniti dan Industri). Selain daripada itu, jurnal juga perlu mempunyai laman web khusus untuk memudahkan proses penghantaran, pewasitan dan penerbitan artikel. Jumlah minima artikel yang perlu diterbitkan untuk setiap siri adalah sebanyak lima (5) artikel dalam setiap bilangan.

3.1.2 Pengurusan Jurnal juga perlu dikawal selia oleh Penerbit KUIS.

### 3.2 KRITERIA JURNAL

#### 3.2.1 Jangka masa

- i. Jurnal perlu diterbitkan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun tanpa gagal.
- ii. Jurnal perlu didaftarkan dalam MyJurnal.
- iii. Jurnal perlu diindeks sekurang-kurangnya dalam MyCite atau badan pengindeks lain.

#### 3.2.2 ISSN/E-ISSN

- i. Setiap jurnal mestilah mempunyai *International Standard Serial Number* (ISSN) atau E-ISSN yang didaftarkan di Malaysia. Hak cipta semasa jurnal hendaklah dimiliki oleh Penerbit Fakulti/ Penerbit KUIS. Permohonan ISSN/E-ISSN hendaklah melalui Penerbit KUIS di Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC).
- ii. ISSN perlu dimohon sekiranya penerbitan jurnal secara bercetak dan E-ISSN perlu dimohon sekiranya penerbitan jurnal secara dalam talian.
- iii. ISSN/E-ISSN perlu diuruskan oleh fakulti/pusat di bawah seliaan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC).

#### 3.2.3 Kawalan Kualiti

Jurnal mengamalkan proses pewasitan artikel (*blind review*) sebelum diterbitkan. Tempoh proses pewasitan dinyatakan dengan jelas.

#### 3.2.4 Ketepatan Masa

Jurnal menyatakan dan mematuhi frekuensi dan bulan penerbitan dengan jelas.

### 3.2.5 Subjek (bidang)

Jurnal menyatakan bidang atau subjek dengan jelas sebagai panduan kepada pengarang.

### 3.2.6 Editorial

Jurnal menyenaraikan sidang editor beserta afiliasi yang lengkap.

### 3.2.7 Garis panduan penyerahan manuskrip

Jurnal menyatakan garis panduan mengenai proses penyerahan manuskrip dengan jelas sebagai panduan kepada pengarang.

### 3.2.8 Konvensyen Editorial

Jurnal menyatakan maklumat bibliografik yang lengkap iaitu Tajuk, Abstrak, Kata kunci, Rujukan dan afiliasi penuh semua pengarang.

### 3.2.9 Bahasa

- i. Artikel dalam Bahasa Melayu - setiap artikel perlu menyediakan Tajuk, Abstrak dan Kata kunci dalam Bahasa Inggeris.
- ii. Artikel dalam Bahasa Arab - setiap artikel perlu menyediakan Tajuk, Abstrak dan Kata kunci dalam Bahasa Inggeris.
- iii. Artikel dalam bahasa lain perlu menyediakan Tajuk, Abstrak dan Kata kunci dalam Bahasa Inggeris.

### 3.2.10 Laman Web Jurnal

- i. Jurnal mempunyai laman web dan memaparkan maklumat yang dikemaskini.

### 3.2.11 Etika Penerbitan

Jurnal menyediakan dan menyatakan etika penerbitan yang lengkap mengikut *Standard Committee on Publication Ethics (COPE)* dalam laman web jurnal.

### 3.2.12 Pengarang

Kepelbagaian pengarang dalam satu isu dan kepelbagaian afiliasi dikalangan pengarang perlu dalam sesebuah jurnal bagi mencapai kualiti dalam penulisan jurnal.

### 3.2.13 Sidang Editor

Kepelbagaian sidang editor di peringkat nasional dan antarabangsa perlu bagi memastikan jurnal yang diterbitkan berkualiti dan setanding jurnal lain.

### 3.2.14 Sitasi Jurnal

Jurnal mendapatkan dan menyatakan sitasi dalam pangkalan data seperti Google Scholar, MyCite, Crossref, SCOPUS, WOS dan lain-lain dengan jelas.

### 3.2.15 Pengindeksan Jurnal

Jurnal perlu diindeks dalam pangkalan data pengindeksan serantau dan antarabangsa lain yang diiktiraf dengan memenuhi kriteria-kriteria badan pengindeksan tersebut.

## 4.0 PERATURAN PEMBAYARAN

### 4.1 PEMBAYARAN TERHADAP ARTIKEL YANG DITULIS

Kadar bayaran yang dikenakan kepada penulis artikel adalah tertakluk kepada kategori jurnal seperti jadual dibawah:

<b>Kategori</b>	<b>Kadar Bayaran</b>
Berindeks (MyJurnal)	RM100 – RM350 per artikel (USD25 – USD86 per artikel)*
Berindeks (MyCite)	RM200 – RM450 per artikel (USD48 – USD109 per artikel)*
Berindeks (SCOPUS)	RM300 – RM2,000 per artikel (USD73 – USD483 per artikel)*
Berindeks (WoS)	RM350 – RM3,000 per artikel (USD86 – USD725 per artikel)*

\*Tertakluk kepada kadar semasa pertukaran matawang asing.

### 4.2 HONORARIUM KEPADA PEWASIT

Honorarium kepada pewasit boleh dipertimbangkan dengan kadar bersesuaian.

## 5.0 PERATURAN PENCETAKAN NASKAH JURNAL

Jurnal bercetak juga hendaklah melalui Penerbit KUIS dan mematuhi polisi penerbitan KUIS serta proses penerbitan manuskrip dari semasa ke semasa.

## 6.0 PENUTUP

Dasar ini diharapkan dapat dijadikan rujukan dan panduan yang jelas kepada semua Ketua Editor dan ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat. Ia juga bertujuan agar proses pra-penerbitan hingga ke pasca-penerbitan jurnal dapat berjalan dengan lancar. Dasar ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan dan kepentingan KUIS amnya.